

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HIT 202 Kesenian Dalam Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.


Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Buku Bagaimana Islam Melihat Kesenian keluaran Majlis 'Ulama' Daerah Istimewa Atjeh telah memaparkan secara kritis pandangan-pandangan yang menentang dan menyokong kesenian di dalam Islam. Dengan menggunakan pandangan-pandangan tersebut bincangkan kedudukan drama bersiri UMI yang telah ditayangkan sepanjang bulan Ramadan 1415M.
2. Tunjukkan secara sistematis kenapa dan bagaimana konsep-penggunaan dipakai pada:
 - [a] corak dan motif batik Kelantan dan Terengganu,
 - [b] patong wayang kulit Jawa,
 - [c] cerita seribu satu malam,
 - [d] tibar layar sebuah rumah Melayu.
3. Dengan merujuk kepada dua keping gambar yang disertakan ini bincangkan konsep-konsep:
 - [a] perulangan,
 - [b] ketiada-peribadian dan
 - [c] ketiada-naturalan dalam konteks seni tawhidi.

4. Bagaimanakah kedudukan drama Jangan Bunuh Rama-Rama, karya Sastertawan Negara Noordin Hassan ditinjau dari sudut penceritaan, mesej, watak, perwatakan, bahasa dan persembahan penceritaan. Jawapan anda mestilah bersifat analisis kritis dan menggunakan pendekatan tawhidi.

5. Dengan berpandukan prinsip seni bunyi yang diutarakan oleh Dr. Lois Lāmyā' al Fārūqī dan prinsip perlaksanaannya sebagaimana yang diutarakan oleh Imam al-Ghazzali serta Yusuf Qardawi bincangkan kedudukan tiga [3] dari irama dan lagu berikut:
 - [a] Ratib Nelayan,
 - [b] Lagu-lagu Roma Irama,
 - [c] Penyair dari gunung,
 - [d] Irama Canggong Perlis.





Copyright © 1982 by the Metropolitan Museum of Art